

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 30/12/2018
Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my
Tajuk : **Koperasi Negara Perlu Tembusi Pasaran ASEAN**

Koperasi Negara Perlu Tembusi Pasaran ASEAN



Abdul Fattah (duduk tengah) bergambar bersama Ahli Jawatankuasa KOTAMAS selepas merasmikan Mesyuarat Agung kali ketiga di Dewan Taman Tasik, di Maran, semalam. - NSTP/Roselan Ab Malek

MARAN: Koperasi di negara ini disaran mengambil langkah proaktif dengan menceburi pasaran pelaburan di luar negara, khususnya negara-negara ASEAN.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata institusi itu perlu memanfaatkan peluang pelaburan dengan menyasarkan negara-negara ASEAN yang lebih luas dan berdaya saing.

Malah, katanya, langkah itu mampu direalisasikan kerana koperasi di Asia Tenggara kini sudah bergabung di bawah Organisasi Koperasi ASEAN (ACO) yang menjadi platform kepada kerjasama perniagaan serantau yang lebih luas dan inklusif.

“Apabila wujud gabungan ini (ACO), maka ia menjadi satu kekuatan baharu bagi institusi koperasi di Asia Tenggara. Koperasi di Malaysia perlu memanfaatkan peluang ini dengan melebarkan jaringan perniagaan mereka.

“Koperasi di negara ini boleh melakukan urus niaga membekalkan pelbagai produk bukan sahaja untuk pasaran domestik tetapi juga pasaran ASEAN,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Kakitangan Majlis Daerah Maran Berhad (KOTAMAS) kali ketiga di Dewan Taman Tasik, di sini, semalam.

Abdul Fattah yang juga Presiden ACO berkata, terdapat 630 juta penduduk di ASEAN, sekaligus menjadi pasaran yang luas untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan mereka.

“Sebagai contoh, bekalan bahan binaan dengan kerjasama dari koperasi China dan Iran dijangka menjana urusan niaga sebanyak RM1.1 bilion, katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kesedaran rakyat Malaysia terhadap gerakan koperasi, beliau berkata, ia semakin meningkat apabila lebih banyak koperasi baharu ditubuhkan termasuk koperasi keluarga, institusi dan komuniti kediaman.

Katanya, urusan niaga koperasi dalam pelbagai sektor bukan sahaja membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, namun turut menyumbang dalam menjana peluang pekerjaan kepada rakyat.